

30 NOV 1998

Bergambar

ANGGOTA PANEL MSC KUNJUNGI DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 Nov (Bernama) -- Prof Shumpei Kumon, seorang anggota panel penasihat antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) hari ini mengunjungi Perdana Menteri di pejabatnya di sini.

Prof Kumon merupakan Pengarah Eksekutif Centre for Global Communications, International University Jepun.

Beliau berada di sini untuk memberi ceramah mengenai Trend Baru Global rangkaian IP (Protokol Internet) dan implikasi sosialnya pada mesyuarat meja bulat CEO esok.

Sebagai saintis sosial, Prof Kumon akan berkongsi dengan hadirin wawasan terbarunya dengan para pemimpin Malaysia yang terlibat membina masa depan teknokogi maklumat dan komunikasi termasuk MSC.

Beliau akan berlepas pulang pada Khamis selepas lawatan enam hari.

-- BERNAMA

NHZ RON